



Untuk Siaran Segera

MGB BERHAD PEROLEH KONTRAK RM167.75 JUTA

Peningkatan buku pesanan pembinaan RM1.22 bilion dengan GDV projek semasa berjumlah RM1.26 bilion

SELANGOR, 14 Disember 2023 - MGB Berhad (“MGB” atau “Kumpulan”), penyedia solusi perkhidmatan dan pembangunan harta tanah serta anak syarikat LBS Bina Group Berhad, hari ini mengumumkan bahawa anak syarikatnya MGB Construction & Engineering Sdn Bhd telah menerima surat lantikan bernilai RM167.75 juta (“Kontrak”) daripada RDC Arkitek (KL) Sdn Bhd bagi pihak Johan Anggun Sdn Bhd untuk projek pembangunan di Genting Highlands dan Daerah Bentong, Pahang Darul Makmur.

Kontrak ini melibatkan pembinaan pangsapuri perkhidmatan 28 tingkat, yang bermula dari tingkat 9 ke 36, dan kemudahan-kemudahan yang bermula di tingkat 8, dengan tujuh tingkat tempat letak kereta dari tingkat 1 ke 7, satu aras kemudahan dengan ruang lobi, serta dua tingkat tempat letak kereta aras bawah di LG2 dan LG1, yang meliputi kawasan seluas 2.30 ekar tanah di sebahagian Lot 15360 Genting Highlands, Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang Darul Makmur.

“Naib Pengurus Eksekutif MGB, Tan Sri Dato’ Sri Ir (Dr) Lim Hock San, mengulas, “Dengan kontrak ini, buku pesanan pembinaan kami telah meningkat kepada RM1.22 bilion dengan Nilai Pembangunan Kasar bernilai RM1.26 bilion. Ini merupakan penutup yang positif untuk tahun 2023. Berdasarkan keputusan yang memberangsangkan setakat ini, kami menjangkakan permulaan yang baik bagi tahun 2024 di samping perkembangan yang kukuh dalam segmen pembinaan dan pembangunan harta tanah.”

Selain itu, MGB akan terus meningkatkan kepakaran baru dan memperhalusi kaedah untuk meningkatkan kualiti serta mempelbagaikan penggunaan produk konkrit pratuang Sistem Binaan Berindustri (IBS) kami. IBS kekal sebagai komponen penting dan teras di dalam perniagaan kami yang akan dimanfaatkan untuk mendapatkan projek-projek baru. Di sebalik keperluan dan permintaan industri pembinaan dan pembangunan harta tanah yang sentiasa berubah, kami kekal optimis di dalam memenuhi keperluan pelanggan sekaligus menjadi peneraju bagi industri berkaitan.”

-Tamat-

Mengenai MGB Berhad

Ditubuhkan pada 2007, MGB Berhad (“MGB”) telah berkembang menjadi syarikat pembinaan serta pemaju harta tanah dengan perhatian utama berfokus kepada pasaran pembinaan meluas dan ruang kediaman mampu milik bagi rakyat Malaysia.

Melalui anak-anak syarikatnya, MGB menyediakan kapasiti penuh reka bentuk, pembinaan serta perkhidmatan pembangunan termasuk mereka, membina, pengurusan projek, kejuruteraan sivil, kejuruteraan nilai, kepakaran geoteknikal serta pengeluaran Sistem Konkrit Tetuang (IBS).

Dengan rekod 15 tahun di dalam bidang pembinaan residensi, komersial serta bangunan industri, dan kerja-kerja infrastruktur, MGB berdiri kukuh di samping berjaya menyiapkan lebih dari 25,000-unit harta tanah, terutamanya di segmen kediaman mampu milik. MGB juga telah menyiapkan 8,000 rumah menggunakan teknologi IBS.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mgbgroup.com.my.

Untuk pertanyaan Media, sila hubungi:

1. Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital, LBS
Emel : media@lbs.com.my
2. En. Lee Tec Minn
Emel : leetm@mgbgroup.com.my